



OLEH IRFAN KHAIRI

Bila Berniaga Dari Rumah

HARI INI. MENJALANKAN PERNIAGAAN DARI RUMAH BUKAN LAGI PERKARA YANG ASING DENGAN ADANYA INTERNET.

Memulakan perniagaan bagi mereka yang belum berpengalaman berniaga merupakan satu langkah yang besar. Walaupun perniagaan bermula dari rumah, untuk berjaya seseorang itu perlu benar-benar serius dan memberi dedikasi sepenuhnya pada perniagaan yang dijalankan.

Sebelum memulakan perniagaan, bukan sekadar kita perlu melengkapkan peralatan dan strategi untuk berniaga, kita juga turut perlu melengkapkan mindset kita untuk berjaya. Berikut adalah antara persediaan yang perlu ada bila berniaga dari rumah.

1. Bila berniaga dari rumah... ketahui dan fahami sebab musabab anda ingin memulakan perniagaan. Pastinya menjalankan perniagaan, tujuannya adalah untuk mendapatkan keuntungan membantu diri dan keluarga. Mungkin bunyinya agak mementingkan diri, tetapi tidak boleh dinafikan bahawa, memulakan perniagaan perlu bermatlamatkan keuntungan!

Untuk mendapatkan untung dalam perniagaan, bukanlah perkara yang mudah. Untuk berjaya, memerlukan strategi yang terbaik. 90 peratus perniagaan gagal dalam tahun pertama sahaja beroperasi. Selebihnya, akan memasuki tahun kedua. Dalam jumlah itu pula, separuh akan bungkus dan gulung tikar.

Sebabnya? Tidak mendapat keuntungan! Fahami bahawa, tujuan anda berniaga adalah untuk mendapat keuntungan, dan keuntungan hanya akan datang apabila anda mengaplikasikan ilmu dan strategi perniagaan dengan betul. Lengkapkan minda anda dengan ilmu perniagaan ini.

2. Bila berniaga dari rumah... ada juga dugaannya. Katil sedang memanggil, sofa sedang memujuk dan TV menyajikan rancangan-rancangan menarik!

Memulakan perniagaan akan menjadikan anda seorang majikan! Anda adalah majikan anda, dan ini memerlukan disiplin yang amat tinggi. Tanpa disiplin, pastinya kita akan terleka dengan kemudahan yang ada di rumah.

Di pejabat, mungkin anda bekerja dari 9.00 hingga 5.00 petang. Di rumah pula, waktu tersebut sudah menjadi waktu kerja haru anda. Walaupun dari rumah, hasilkan jadual yang terpennei dan tepat untuk anda ikuti- tetapkan masa rehat, makan, minum, solat seperti mana anda lakukan di tempat kerja sebelum ini. Hasilkan jadual seperti di sekolah dulu, di mana waktu tertentu digunakan untuk melakukan aktiviti perniagaan tertentu.

Tanpa disiplin yang tegar, pastinya bekerja dari rumah hanya menjadi mimpi - terutamanya bila katil memanggil!

3. Bila berniaga dari rumah... ketahui kekuatan dan kelemahan anda! Memang sering saya menyebut, memulakan perniagaan, perlu mengikut minat, kebolehan dan kekuatan kita. Namun, jangan lupa pula dengan KELEMAHAN kita. Pandai bermain gitar, tidak bermakna pandai berniaga gitar. Pandai memasak, tidak bermakna pandai berniaga masakan. Pandai berfesyen, tidak bermakna pandai menjual pakaian.

Dalam apa yang kita lakukan, fikirkan juga kelemahan yang ada pada kita. Berniaga dari rumah, sering kali dilakukan seorang diri. Tiada orang akan mengganggu kita. Dalam waktu yang sama juga, tiada siapa yang akan mengegur kita tentang kelemahan yang ada.

Oleh itu, mindset yang kita perlu adalah lebih kritikal untuk melihat kelemahan diri sendiri. Dalam mencapai apa sahaja matlamat, kelemahan yang ada dalam diri kita akan melambatkan kita mencapai sesuatu matlamat. Jangan sahaja melihat kekuatan, tetapi lihat juga kelemahan.

Berniaga dari rumah bukan sahaja pulangnya adalah lumayan kalau betul caranya. Malah turut merapatkan lagi hubungan kekeluargaan kerana masa lebih banyak dihabiskan bersama keluarga tercinta!

Control NO : 000274512

Business - E - Business

file name : MA/business/2015/Bus 2015A 05.pdf

Pg : 126 - 127